

Analisis Psikolinguistik Wanita Di Luar Bandar Terhadap Kesedaran Serta Pengetahuan Tentang *Fibroid*

Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim dan Ahmad Shuib Yahaya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor.

Hospital Gleneagles, Iskandar Puteri, 79250, Johor.

*Corresponding author: noridayu87_nasir@yahoo.com

Received: 1st May 2025; Revised: 15th May 2025; Accepted: 6th June 2025

ABSTRAK

Masalah kesihatan wanita seperti fibroid sering berlaku dan menjejaskan aspek emosi wanita yang mengalaminya. Oleh yang demikian, tahap kesedaran wanita terhadap masalah fibroid amat penting dalam meningkatkan kualiti kesihatan wanita di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan mengenal pasti sejauh mana pengetahuan wanita di luar bandar tentang fibroid. Kemudian, membincangkan kesan terhadap emosi wanita melalui aspek linguistik secara lisan dan bertulis. Seterusnya, mencadangkan langkah wanita dalam mengawal emosi dan meningkatkan pengetahuan tentang fibroid. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson dalam analisis data kajian. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa wanita yang mengalami masalah fibroid cenderung memberikan fokus terhadap kesan jangka masa panjang dan aspek keintiman pasangan. Malah, masalah fibroid berupaya mengganggu psikologi wanita dalam kehidupan harian mereka. Selain itu, tahap pengetahuan yang mendalam tentang fibroid masih lagi berada pada tahap yang rendah di luar bandar. Oleh yang demikian, kesedaran tentang fibroid kepada wanita di luar bandar perlu ditingkatkan oleh pihak berwajib. Kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pengetahuan serta kesedaran wanita tentang fibroid bagi membantu mereka memahami dengan terperinci tentang aspek rawatan, kesan dan alternatif untuk membantu mengurangkan risiko buruk terhadap masalah fibroid yang dihadapi wanita.

Kata Kunci: *fibroid, kesedaran wanita, psikolinguistik*

ABSTRACT

Women's health problems such as fibroids are common and can affect the emotional well-being of women who experience them. Therefore, awareness of fibroids is important for improving women's health in Malaysia. This study aims to identify the level of knowledge about fibroids among rural women, examine their emotional experiences through spoken and written linguistic aspects, and suggest ways to manage emotions and increase knowledge about fibroids. Erik Erikson's Psychosocial Development Theory is applied to analyse the research data. The findings show that women with fibroids tend to focus on long-term effects and partner intimacy, while the condition may also affect their psychological well-being in daily life. The study further reveals that in-depth knowledge about fibroids remains low among rural women. Therefore, greater awareness of fibroids among rural women should be promoted by relevant authorities. This study is expected to enhance women's knowledge and awareness of fibroids and help them better understand treatment options, effects, and alternatives to reduce potential health risks.

Keywords: *fibroids, women's awareness, psycholinguistics*

1. PENDAHULUAN

Kesedaran dalam aspek masalah kesihatan wanita sangat penting dalam mengurangkan risiko sesuatu penyakit yang tergolong dalam masalah perbidanan dan sakit puan di Malaysia. Malah, kesedaran awal dapat membantu mengurangkan risiko penyakit yang kronik melibatkan wanita. Selain itu, kesedaran awal dalam masalah dalaman wanita bertujuan mengelakkan sesuatu penyakit berada pada tahap yang kritikal. Oleh itu, risiko kehilangan nyawa dalam kalangan wanita dapat dikurangkan dengan kemajuan teknologi perubatan moden serta kesedaran awal.

Selain itu, kesedaran awal terhadap penyakit wanita perlu disampaikan dengan terperinci oleh pakar serta pengamal perubatan bertauliah. Salah satu masalah kesihatan dalaman wanita ialah *fibroid* yang sering terjadi kepada wanita di Malaysia. Muhammad Abdul Razak (2018), menjelaskan bahawa *fibroid* adalah sejenis ketumbuhan yang tidak berbahaya melibatkan dinding rahim wanita yang dipanggil sebagai *leiomyoma*. Namun begitu beliau menyatakan bahawa kurang daripada satu peratus kes *fibroid* boleh menjadi jenis yang berbahaya yang disebut sebagai *leiomyosarcoma*.

Oleh yang demikian, pengetahuan wanita terhadap masalah kesihatan yang bersangkutan dengan *fibroid* begitu penting dalam kehidupan. Melalui pengetahuan yang jelas berkaitan *fibroid* maka setiap wanita dapat membuat keputusan terbaik dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka melalui perbincangan dengan pakar perubatan dalam bidang *Obstetrik dan Ginekologi* atau pakar bidang *Perbidanan dan Sakit Puan* di fasiliti kesihatan bertauliah. Malah, perbincangan antara wanita yang mengalami masalah *fibroid* dengan doktor pakar dapat membantu mereka mengetahui sejauh mana tahap kritikal yang sedang dialami.

Selanjutnya, (Mohamad Hafifi Jamri *et.al*, 2017:13) menjelaskan penyampaian maklumat kesihatan awam oleh media juga boleh memberikan impak kepada fisiologi dan psikologi masyarakat. Oleh yang demikian, wanita yang menghadapi masalah *fibroid* lazimnya mengalami persepsi yang melibatkan emosi mereka tentang perkara ini. Menurut Najah Nadiyah Amran dan Haziyah Hussin (2022:90), emosi atau dalam bahasa latin disebut *emovere* adalah gambaran perasaan seseorang bagi memperlihatkan rasa sedih, gembira, cinta, kecewa, semangat, marah dan benci. Malah, emosi wanita berlaku kesan daripada penyampaian maklumat secara lisan dan bertulis tentang masalah *fibroid* yang dialami mereka.

Seterusnya, maklumat melalui bahasa adalah elemen linguistik yang hadir bersama paparan emosi serta tingkah laku juga dikenali sebagai psikolinguistik. Oleh yang demikian, kesan psikolinguistik terhadap wanita yang mengalami *fibroid* berkait rapat dengan tahap pengetahuan mereka tentang impak, faktor, rawatan dan informasi penting tentang *fibroid* dari aspek perubatan moden. Rentetan itu, kajian ini memberikan fokus terhadap impak psikolinguistik wanita yang mengalami masalah *fibroid* di luar bandar. Hal ini demikian kerana, lazimnya, lokasi luar bandar tidak mempunyai fasiliti kesihatan yang pesat berbanding kawasan komuniti bandar. Tahap pengetahuan yang tidak mendalam tentang *fibroid* menyebabkan wanita tidak dapat mempertimbangkan tentang keburukan, kesan mahupun kaedah rawatan yang terbaik bagi membantu mengurangkan risiko terhadap masalah *fibroid* yang dialami mereka.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman (2023:283), menjelaskan bahawa individu akan berinteraksi sesama individu atau kelompok lain terutamanya dalam komunikasi emosi dapat diperlihatkan dengan jelas melalui ekspresi yang ditunjukkan bagi mewakili emosi yang dialaminya ketika itu. Oleh yang demikian, wanita adalah golongan yang lebih cenderung memperlihatkan emosi dalam sesuatu situasi melibatkan aspek komunikasi manusia. Malah, Rose Fazilah Ismail *et.al*

(2018:95), mendapati golongan wanita lebih terkesan dan sensitif terhadap tekanan atau konflik yang timbul dalam hubungan interpersonal khususnya dalam perkahwinan berbanding lelaki. Hal ini menunjukkan, golongan wanita memerlukan sokongan emosi yang lebih baik berbanding lelaki dalam kehidupan berpasangan. Tambahan lagi, wanita ialah golongan yang berisiko mendapat pelbagai penyakit berkaitan perbidanan dan sakit puan yang boleh membawa kesan buruk.

Oleh yang demikian, Soo Shey San *et.al* (2015:268), menyatakan bahawa kempen komunikasi kesihatan biasanya bertujuan membentuk kesedaran orang awam terhadap sesuatu terutamanya bagi mereka yang berada dalam situasi tidak pasti. Walau bagaimanapun, kesedaran wanita yang tinggal di luar bandar masih rendah terhadap komunikasi kesihatan yang melibatkan masalah dalaman wanita. Tambah Soo Shey San *et.al*, (2015:268) lagi, wanita berasa bimbang dan malu untuk menjalani pemeriksaan pada bahagian sulit mereka. Faktor ini menyebabkan penyakit dalaman wanita sukar dikesan pada peringkat awal. Selain itu, Indira Dianti Sanjiwani dan Widianantara (2021:101), menjelaskan bahawa *uterine fibroid* atau *leiomyoma* merupakan neoplasma aktif yang terjadi pada uterus dan menjadi permasalahan kesihatan yang signifikan dengan wanita pada usia yang produktif. Hal ini menjelaskan bahawa, masalah fibroid berlaku terhadap wanita yang masih lagi berada dalam fasa produktif. Oleh yang demikian, masalah fibroid boleh berlaku kepada wanita yang masih belum berkahwin dan telah berkahwin.

Implikasinya, wanita yang mengalami masalah fibroid cenderung menghadapi gangguan emosi apabila mendengar atau membaca isu tentang masalah fibroid yang melibatkan kesan serta rawatan. Menurut Dini Fitriani dan Muhammad Awin Alaby (2021:247), gejala psikolinguistik orang marah atau keadaan marah umumnya disebabkan oleh suatu permasalahan yang dialami seseorang. Oleh yang demikian, psikolinguistik adalah penelitian melibatkan emosi atau perasaan manusia yang berlandaskan aspek penggunaan linguistik. Secara keseluruhannya, kajian Nadiatul Shakinah Abdul Rahman (2023), tentang komunikasi emosi manusia, Rose Fazilah Ismail *et.al*, (2018) berkaitan masalah sensitiviti emosi wanita, Soo Shey San *et.al*, (2015) dari aspek kempen kesedaran wanita dalam komunikasi kesihatan, Indira Dianti Sanjiwana dan Widianantara (2021) dari aspek kesihatan tentang *fibroid* wanita serta Dini Fitriani dan Muhammad Awin Alaby (2021) tentang kesan psikologi manusia yang berkait rapat dengan emosi memberikan ruang kajian yang dijalankan ini. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan fokus penting terhadap aspek psikologi wanita luar bandar yang mengalami masalah *fibroid* dengan tahap pengetahuan juga kesedaran tentang kesihatan wanita.

3. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan melalui tiga persoalan kajian ini, antaranya:

- i. Apakah pengetahuan wanita di luar bandar tentang masalah *fibroid*?
- ii. Apakah kesan terhadap emosi wanita dalam aspek linguistik melalui *informasi* lisan dan bertulis berkaitan *fibroid*?
- iii. Apakah cadangan terhadap wanita yang mengalami *fibroid* dalam mengawal emosi dan meningkatkan pengetahuan tentang *fibroid*?

4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menjawab tiga objektif kajian, antaranya:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan wanita di luar bandar tentang masalah *fibroid*.
- ii. Membincangkan kesan terhadap emosi wanita dalam aspek linguistik melalui *informasi* lisan dan bertulis berkaitan *fibroid*.

- iii. Mencadangkan langkah mengawal emosi dan meningkatkan pengetahuan tentang *fibroid* terhadap wanita yang mengalami masalah *fibroid*.

5. KAJIAN TERDAHULU

Dalam bahagian sorotan kajian ini membincangkan analisis dalam kajian lepas melibatkan tujuan kajian, objektif kajian, aplikasi teori kajian, hasil dapatan dan cadangan daripada kajian lepas. Hal ini demikian kerana, kajian lepas yang hampir sama atau menggunakan aplikasi teori yang sama dapat membantu rujukan serta memberikan ruang kajian terhadap penyelidikan yang dilaksanakan ini. Oleh itu, kajian lepas berkaitan *fibroid*, kesedaran kesihatan, psikolinguistik dan Teori Pembangunan Psikologi Erik Erikson dibincangkan melalui ringkasan pada bahagian ini.

Fibroid

Afshan Bano *et.al*, (2023) menjalankan tinjauan secara menyeluruh tentang *uterine fibroids* dalam aspek *pathogenesis*, diagnosis, rawatan dan perspektif masa depan. Tinjauan dalam kes *fibroids* memperlihatkan kes *fibroid* cenderung terjadi kepada wanita pada usia awal 40-an. Antara risiko penyebab *fibroid* salah satunya adalah latar belakang ahli keluarga yang pernah mengalami *fibroid*. Selain itu, *fibroid* juga berpunca daripada masalah obesiti, pemilihan makanan yang tidak sihat, gaya hidup yang tidak aktif dan tabiat merokok dalam kalangan wanita. Malah, faktor tekanan boleh menyumbang berlakunya masalah *fibroid* kepada wanita kesan daripada penghasilan *estrogen*. Oleh yang demikian, bagi mencegah masalah *fibroid* pelbagai langkah oleh dilakukan oleh kaum wanita. Antaranya, mengawal berat badan dan mengambil makanan yang seimbang.

Emma Giuliani *et.al*, (2020) menjalankan kajian tentang *epidemiology* dan pengurusan *fibroid* wanita. Kajian yang dilaksanakan memperlihatkan sebanyak 70% wanita berkulit putih dan 80% wanita berkulit hitam mengalami masalah *fibroid*. Oleh yang demikian, masalah *fibroid* mengakibatkan peningkatan dalam kos perubatan dan penjagaan terhadap wanita *fibroid*. Selian itu, melalui kajian ini juga memperlihatkan wanita yang menghidapi *fibroid* mengalami *Abnormal Uterine Bleeding* (AUB), kesakitan pada pelvik wanita, tekanan, sakit belakang, kesuburan, kekerapan membuang air kecil dan masalah anemia. Maka, inisiatif dalam proses penyembuhan *fibroid* melalui kaedah perubatan, pembedahan dan intervensi melalui prosedur radiologi.

Aamir T Khan *et.al*, (2014) menjalankan kajian ilmiah tentang perspektif masa kini berkaitan masalah *fibroid*. Kajian membincangkan tentang punca *fibroid* pada wanita dalam peringkat usia yang mempunyai sistem reproduktif dan selepas menopause. Oleh yang demikian, *fibroid* memberikan kesan terhadap kitaran haid atau gejala pada pelvik wanita. Masalah *fibroid* boleh diselesaikan melalui kaedah perubatan moden yang melibatkan pembedahan dan akses secara minimum dalam mengurangkan impak buruk *fibroid*. Malah, bagi merawat masalah *fibroid* juga teknologi gelombang ultra bunyi (MRgFUS) atau frekuensi radio (VizAblate™ and Acessa™) juga digunakan dengan tujuan untuk meningkatkan rawatan moden dalam akses yang minimum.

Kesedaran Kesihatan

Nik Nur Zuraida Nik Anuar (2022) menjalankan kajian tesis tentang perbandingan tahap pengetahuan wanita tentang kanser pangkal rahim melibatkan kawasan bandar juga luar bandar di daerah Dungun, Terengganu. Responden kajian terlibat ialah wanita antara usia 30 hingga 65 tahun. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa wanita di luar bandar dan bandar mempunyai pengetahuan yang baik terhadap pengetahuan dan kesedaran kanser pangkal rahim. Selian itu, sikap wanita luar bandar dan bandar terhadap kanser pangkal rahim menunjukkan penerimaan yang positif. Oleh yang demikian, perbezaan antara wanita luar bandar dan bandar tidak menunjukkan jurang yang ketara dan signifikan.

Nik Hazlina Nik Hussain (2015) dalam kenyataannya tentang kesedaran wanita berkaitan kanser servik menjelaskan kanser ini merupakan antara penyumbang terbesar terhadap kes kematian wanita di Malaysia. Kanser pangkal rahim ini boleh dicegah melalui ujian pap smear. Malah, kes kanser pangkal rahim tidak banyak berlaku di negara maju kerana kesedaran awal oleh wanita yang melakukan ujian pap smear. Kanser ini terjadi berpunca daripada jangkitan *Human Papilloma Virus* (HPV). Oleh yang demikian, pencegahan kanser servik dapat dilaksanakan melalui kesedaran kesihatan wanita untuk menjalankan pap smear sebagai langkah awal mencegah kanser ini.

Psikolinguistik

Dwi Yulianti Rahayu dan Tadjuddin Nur (2025) melaksanakan penyelidikan berkaitan perspektif psikolinguistik dalam proses emosi melibatkan watak Riley dalam filem *Inside Out 2*. Kajian dijalankan bagi memperdebatkan dengan lebih mendalam tentang proses emosi baru dalam psikologi watak Riley melalui konsep Zon Perkembangan Proksimal oleh Lev Vygotsky. Keputusan kajian memperlihatkan watak Riley membawa emosi cemas, iri, bosan dan malu berlaku kesan daripada tekanan emosi dalam interaksi persekitaran watak Riley.

Muhammad Zanika Esa Putra (2024) menjalankan kajian tentang emosi marah-marah dalam komuniti *Twitter* dari aspek psikolinguistik. Tujuan kajian dilaksanakan bagi meneliti emosi marah dalam *Twitter* dan kaitannya dengan emosi manusia. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa emosi marah yang diperlihatkan dalam komuniti tersebut bagi menunjukkan perasaan individu dalam meluahkan rasa. Oleh itu, emosi marah tersebut bagi menunjukkan perasaan kecewa, sedih, takut, terkejut dan kesal.

Mochamad Farid Kostawa (2023) menjalankan kajian tentang aspek bahasa dalam meluahkan emosi gembira siswa melalui analisi psikolinguistik. Kajian dilaksanakan bagi mendeskripsikan, menganalisis serta mengidentifikasikan bahasa dalam ekspresi gembira. Hasil kajian memperlihatkan bahawa siswa mempunyai emosi gembira yang baik apabila diberikan terapi dalam permainan tradisional.

Teori Pembangunan Psikologi Erik Erikson

Khairunnisa Nazwa Kamilla *et.al*, (2022) menjalankan kajian tentang teori psikososial Erik Erikson. Kajian ini memperjelaskan tentang Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson melalui kajian 12 artikel jurnal. Analisis kajian menunjukkan bahawa teori psikososial ini mempunyai lapan tahap mengikut tahap usia manusia. Oleh itu, huraian diperjelaskan melalui tahap percaya melawan ketidakpercayaan pada usia 0 hingga 18 bulan. Tahap kedua adalah otonomi melawan rasa malu pada usia 18 bulan hingga tiga tahun. Tahap ketiga adalah inisiatif melawan rasa bersalah pada usia tiga hingga lima tahun. Tahap keempat adalah ketekunan melawan rasa rendah diri pada usia lima hingga 12 tahun. Tahap kelima adalah identiti melawan kebingungan pada usia 12 hingga 18 tahun. Tahap keenam adalah keintiman melawan isolasi pada usia 18 hingga 40 tahun. Tahap ketujuh adalah generativitas melawan stagnasi pada usia 40 hingga 65 tahun. Akhir sekali, adalah tahap kelapan di mana kematangan melawan putus asa pada usia 65 tahun ke atas.

Najrul Jimatul Rizki (2024) menjalankan kajian tentang perkembangan sosial dan keperibadian dalam Teori Psikososial Erik Erikson melibatkan bidang pendidikan. Tujuan kajian dilaksanakan bagi meneliti penerapan teori perkembangan sosial serta keperibadian Erik Erikson melibatkan pendidikan yang relevan dalam perkembangan holistik siswa. Malah, kajian ini melibatkan aspek intelektual, emosi serta sosial. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa penerapan teori Erik Erikson dapat membantu pendidik untuk merancang kurikulum yang lebih efektif.

Junihot M. Simanjuntak (2009) menjalankan kajian tentang teori psikososial Erik Erikson bagi perkembangan orang dewasa di gereja. Kajian dijalankan dalam konteks perkembangan kehidupan psikososial manusia dewasa melalui teori Erik Erikson. Selain itu, kajian ini melibatkan impak dalam menarik minat orang dewasa dalam aplikasi teori Erik Erikson untuk hadir dalam program yang dianjurkan di gereja. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teori Erik Erikson dengan memberikan pertimbangan dalam pendidikan agama Kristian bagi orang dewasa. Malah, Erik Erikson berpendapat bahawa peranan gereja penting sebagai institusi dalam budaya serta agama untuk Menyusun program kepada orang dewasa.

Konklusinya, kajian terdahulu tentang fibroid yang dijalankan oleh Afshan Bano *et.al*, (2023), Emma Giuliani *et.al*, (2020) dan Aamir T Khan *et.al*, (2014) memberikan ruang serta dapatan dalam pelaksanaan kajian ini. Malah, kajian terdahulu berkaitan keishatan wanita oleh Nik Nur Zuraidda Nik Anuar (2022) dan Nik Hazlina Nik Hussain (2015) dapat menjelaskan sejauh mana usaha dalam meningkatkan kesedaran wanita di Malaysia telah dilakukan. Kemudian, kajian dalam aspek linguistik oleh Dwi Yulianti Rahayu dan Tadjuddin Nur (2025), Muhammad Zanika Esa Putra (2024) dan Mochamad Farid Kostawa (2023) dapat menunjukkan psikolinguistik manusia yang melibatkan emosi dalam kehidupan. Akhir sekali, kajian tentang Teori Psikososial Erik Erikson oleh Khairunnisa Nazwa Kamilla *et.al*, (2022), Najrul Jimatul Rizki (2024) dan Junihot M. Simanjuntak (2009) dapat menunjukkan aplikasi teori ini yang digunakan dalam pelbagai kajian melibatkan psikososial manusia.

Kepentingan Kajian

Kajian ini didasari dengan lima kepentingan pelaksanaan kajian, antaranya:

- i. Pertama, kajian ini penting kepada pihak berkepentingan dalam melaksanakan sebarang penyaluran maklumat berkaitan *fibroid* di kawasan luar bandar.
- ii. Kedua, kajian ini penting kepada pengamal dan pakar perubatan yang berkomunikasi dengan pesakit yang mengalami masalah *fibroid* dalam menangani emosi mereka semasa perbincangan secara bersemuka.
- iii. Ketiga, kajian ini memberikan kepentingan terhadap wanita yang menghadapi *fibroid* dalam mengawal emosi dan perasaan apabila berbincang atau membuat sesuatu keputusan tentang masalah *fibroid* yang dihadapi mereka.
- iv. Keempat, kajian ini dapat membantu ahli keluarga dan komuniti setempat dalam memberikan sokongan moral melalui aspek linguistik secara lisan dan bertulis terhadap wanita yang mengalami *fibroid*.
- v. Kelima, kajian ini penting kepada penyelidik dalam bidang perubatan wanita, psikologi manusia dan psikolinguistik dalam melaksanakan kajian lanjutan berkaitan aspek psikolinguistik wanita yang mengalami masalah *fibroid*.

6. METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian ini mengaplikasikan teknik deskriptif dalam proses perancangan kajian, mendapatkan data kajian dan analisis data daripada proses kutipan data kajian. Selain itu, proses rujukan dalam kajian ini melibatkan kajian ilmiah dan penulisan akademik lepas melalui buku, artikel jurnal, kertas prosiding, artikel laman sesawang serta maklumat bertulis melalui pakar dalam bidang perubatan yang bertauliah. Prosedur ini dilaksanakan bagi mendapat keesahan dan jaminan keaslian dalam penyelidikan yang dijalankan dari segi rujukan, responden kajian dan analisis yang melibatkan disiplin dalam bidang linguistik dan perubatan.

Responden Kajian dan Lokasi Kajian

Bagi mendapatkan data kajian yang dilaksanakan secara *in-depth-study* maka seorang responden kajian telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Kajian ini berbentuk penyelidikan secara

penelitian mendalam bagi mendapatkan respon kesan daripada masalah *fibroid* yang dihadapi oleh responden kajian. Responden kajian ini berusia 37 tahun pada tahun 2024 dan telah berkahwin selama tiga tahun. Malah, responden telah disahkan mengalami masalah *fibroid* pada Julai 2024 yang melibatkan pemeriksaan kesihatan daripada pengamal perubatan bertauliah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manakala, lokasi kajian pula adalah di Kampung Permatang Keriang, Perlis yang merupakan kawasan luar bandar.


Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada lima aspek yang mempunyai justifikasi, antaranya:

- i. Pertama, kajian dibataskan kepada seorang sahaja wanita yang mengalami masalah *fibroid* di negeri Perlis. Hal ini demikian kerana, masalah yang dihadapi oleh setiap pesakit wanita *fibroid* berbeza dari segi risiko, saiz ketumbuhan dan kesan jangka masa panjang.
- ii. Kedua, kajian ini memberikan fokus bagi wanita yang tinggal di luar bandar. Hal ini demikian kerana, kawasan luar bandar tidak mempunyai kepelbagaian aktiviti dalam kempen serta program kesedaran tentang kesihatan berbanding kawasan bandar.
- iii. Ketiga, kajian ini memberikan fokus utama terhadap masalah *fibroid* yang merupakan salah satu penyakit wanita dalam bidang perbidanan dan sakit puan. Hal ini demikian kerana, *fibroid* merupakan masalah ketumbuhan yang mungkin tidak bahaya. Malah, *fibroid* berbeza daripada masalah kanser wanita yang lebih kronik dalam semua aspek.
- iv. Keempat, kajian memberikan fokus terhadap emosi wanita yang mengalami masalah *fibroid*. Hal ini kerana, emosi wanita yang menghadapi *fibroid* berbeza daripada wanita normal yang tidak mengalami sebarang masalah kesihatan wanita.
- v. Kelima, fokus kajian ini dilihat daripada aspek psikolinguistik wanita yang melibatkan emosi, tingkah laku dan bahasa. Hal ini demikian kerana, informasi dan perbincangan kesihatan tentang *fibroid* menggunakan medium bahasa sebagai penyampai maklumat.

Teori Kajian

Aplikasi teori kajian bertujuan menghubungkan kait dengan dapatan dan analisis sesuatu penyelidikan ilmiah. Oleh yang demikian, pemilihan teori perlu bersesuaian dengan aspek kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini pemilihan teori perlu bersangkutan dengan aspek psikologi, sosial dan linguistik manusia. Maka, bagi menyempurnakan kajian ini Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson.



(Sumber: <https://practicalpie.com/eriksons-stages-of-development/>)

Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson

Terdapat lapan tahap yang diterapkan dalam Teori Perkembangan Sosial Erik Erikson bersesuaian dengan kehidupan manusia mengikut tahap usia. Oleh yang demikian, terdapat empat aspek yang dilihat dalam Teori Psikososial Erik Erikson yang diterjemahkan daripada <https://www.simplypsychology.org/erik-erikson.html>. Perkara penting yang diuraikan adalah tahap, asas konflik, kebajikan serta penjelasan.

Tahap 1: Asas Kepercayaan melawan Asas Ketidakpercayaan

Bayi (0 hingga satu tahun) yang berada dalam keadaan berharap dalam keperluan asas kepercayaan seperti harapan untuk mendapatkan kasih sayang yang memberikan impak kepercayaan.

Tahap 2: Autonomi melawan Keraguan

Kanak-kanak awal usia (satu hingga tiga tahun) yang mula menunjukkan keperluan terhadap kehendak mereka. Pada tahap ini kanak-kanak mula membina keperibadian untuk melakukan sesuatu perkara secara berdikari.

Tahap 3: Inisiatif melawan Rasa Bersalah

Usia bermain kanak-kanak (tiga hingga enam tahun) yang melakukan sesuatu dengan tujuan tertentu. Pada usia ini kanak-kanak mula mengambil inisiatif dalam melakukan aktiviti bermain. Apabila melalui kegagalan maka mereka akan melakukan semula tindakan tersebut.

Tahap 4: Industri melawan Rasa Rendah Diri

Usia persekolahan (tujuh hingga 11 tahun) yang menunjukkan kanak-kanak mula kompeten dalam melakukan sesuatu tindakan. Mereka mula membina keyakinan diri dalam kehidupan mereka.

Tahap 5: Identiti melawan Kekeliruan Identiti

Remaja (12 hingga 18 tahun) adalah usia yang memperlihatkan kesetiaan mereka. Pada tahap usia ini remaja mula melakukan eksperimen dan membina identiti diri mereka.

Tahap 6: Keintiman melawan Keasingan

Permulaan usia dewasa (19 hingga 29 tahun) yang menunjukkan manusia mula memberikan fokus terhadap cinta. Dalam fasa usia ini manusia mula membina hubungan cinta yang stabil dengan lawan jenis.

Tahap 7: Generativiti melawan Kekakuan

Usia pertengahan (30 hingga 64 tahun) yang memperlihatkan manusia mula menunjukkan sifat menjaga yang tinggi. Oleh itu, pada tahap usia ini menunjukkan manusia mula menyumbang tenaga dalam komuniti dan menjadikan individu lain sebagai sebahagian daripada keluarga mereka.

Tahap 8: Integriti melawan Kekecewaan

Usia warga emas atau tua (65 tahun ke atas) yang menunjukkan manusia berada dalam pemikiran yang melambangkan kebijaksanaan sesuai dengan usia mereka. Oleh yang demikian, mereka mula membina kehidupan yang lebih bermakna.

7. DAPATAN KAJIAN

Bahagian dapatan kajian memperlihatkan analisis daripada objektif kajian. Oleh yang demikian, pelaksanaan kajian ini dijalankan dengan menjawab persoalan kajian yang membawa kepada objektif yang akan dicapai dalam kajian ini. Malah, dalam dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga pecahan besar berdasarkan tiga objektif kajian utama. Selain itu, dalam objektif kajian terdapat pecahan kecil bagi memperincikan sesuatu perbincangan dapatan kajian. Responden


telah disahkan menghidapi *fibroid* pada 10 Julai 2024 di Klinik Pakar Perbidanan dan Sakit Puan, Hospital Sultanah Bahiyah.

Mengenal pasti tahap pengetahuan wanita di luar bandar tentang masalah fibroid.

Menurut sumber *myhealth.gov.my* terdapat beberapa jenis *fibroid* yang boleh dialami wanita. Antaranya:

- i. *Fibroid Submukus*
Ketumbuhan ini tumbuh daripada bahagian bawah lapisan dalam rahim dan boleh meliputi rongga rahim (*gleneagles.com.my*).
- ii. *Fibroid Intramural*
Bagi ketumbuhan *fibroid* ini tumbuh di antara otot rahim pada bahagian dinding.
- iii. *Fibroid Subserus*
Manakala, *fibroid* jenis ini membesar di luar dinding rahim.
- iv. *Fibroid Pedunkal*
Kemudian, *fibroid* ini pula membesar secara bertangkai daripada permukaan bahagian luar rahim atau permukaan bahagian dalam rahim dan kadang kala menjalar keluar dari serviks (pangkal rahim).

(Sumber: Portal *myhealth.gov.my*)



(Sumber: <https://www.nichd.nih.gov/health/topics/uterine/conditioninfo>)

Bahagian Pertama:

- Jenis ketumbuhan *fibroid* yang dialami
- i. Penyelidik : Apakah jenis ketumbuhan *fibroid* yang dialami? (S1)
Responden: Tak tahu. (J1)
 - i. Penyelidik: Apakah yang puan faham tentang *fibroid* yang dialami kini? (S2)
Responden: Tidak faham. (J2)
 - ii. Penyelidik: Melalui pemahaman Puan, adalah *fibroid* sesuatu yang bahaya kepada Puan? (S3)
Responden: Saya rasa bahaya sebab ketumbuhan dalam rahim. (J3)

Melalui transkripsi temu bual dalam bahagian satu memperlihatkan bahawa responden yang sedang mengalami masalah *fibroid* tidak mengetahui dengan jelas tentang kondisi dirinya

dan informasi yang tepat berkaitan *fibroid*. Oleh yang demikian, pada S1 menunjukkan respon responden J1 tidak tahu tentang jenis ketumbuhan *fibroid* yang dialami olehnya. Hal ini kerana, responden tidak mengetahui serta tidak memberikan fokus yang baik semasa penerangan dan imbasan dijalankan oleh doktor yang bertugas.

Kemudian, dalam S2 pula adalah secara keseluruhan tentang masalah *fibroid* yang sedang dialami oleh responden kajian. Dalam J2 memperlihatkan bahawa responden tidak memahami dengan baik apakah *fibroid* dari pelbagai aspek termasuk punca, kesan dan rawatan melibatkan kes *fibroid*. Oleh yang demikian, responden kajian tidak dapat menjelaskan tentang maklumat berkaitan *fibroid* kepada penyelidik.

Selepas itu, dalam S3 adalah soalan berkaitan pemahaman tentang bahaya atau tidak *fibroid* kepada wanita. Dalam J3 memperlihatkan bahawa responden memberikan anggapan atau tekaan sahaja tentang *fibroid*. Hal ini demikian kerana, responden menyatakan bahawa *fibroid* adalah sesuatu yang bahaya kerana terjadi di dalam rahim wanita. Walhal dalam kes *fibroid* tidak semua ketumbuhan bahaya kepada wanita. Tahap sama ada bahaya atau tidak sesuatu ketumbuhan *fibroid* adalah di bawah penilaian pakar dan doktor dalam bidang *Obstetrik & Ginekologi* (O&G) melalui penelitian yang mendalam. Malah, penelitian daripada pengamal perubatan dalam bidang O&G dilaksanakan melalui imbasan dan perbincangan yang jelas dengan pakar bidang.

Oleh yang demikian, daripada dapatan bahagian satu memperlihatkan bahawa responden tidak tahu tentang *fibroid* secara keseluruhannya. Malah, responden tidak mempunyai kesedaran yang baik tentang masalah *fibroid* bagi wanita. Selain itu, responden juga hanya memberikan jawapan secara anggaran sahaja bahawa masalah *fibroid* bahaya kepada wanita dan memberikan jawapan secara umum serta tekaan bahawa *fibroid* berlaku di dalam rahim wanita. Hal ini kerana, *fibroid* juga boleh terjadi di luar rahim wanita.

Bahagian Kedua:

i. *Fibroid Submucosal/Submukus*

Penyelidik : Adakah Puan tahu kawasan ketumbuhan *Fibroid Submucosal/Submukus*? (S4)

Responden: Tak tahu kawasan mana. (J4)

Dalam bahagian kedua pula, penyelidik menyoal responden tentang kawasan yang lazimnya berlaku ketumbuhan *fibroid*. Oleh itu, kawasan *Fibroid Submucosal/Submukus* lazimnya berlaku di bahagian dalam rongga rahim yang bermula daripada kawasan dindingnya. Malah, jenis *fibroid* ini tergolong dalam jenis *Fibroid Uterine* yang jarang berlaku. Namun begitu, *fibroid* jenis ini boleh memberikan kesan terhadap kesuburan wanita dan boleh menyebabkan pendarahan. Melalui J4 yang diberikan oleh responden jelas memperlihatkan bahawa *fibroid* jenis ini tidak diketahui oleh responden kajian.

ii. *Fibroid Intramural*

Penyelidik : Adakah Puan tahu kawasan ketumbuhan *Fibroid Intramural*? (S5)

Responden: Saya, tat tau apa dia. (J5)

Kemudian, *Fibroid Intramural* atau dikenali juga sebagai *Intramiomerium* berlaku di kawasan yang lazimnya berlaku di kawasan *uterine* wanita. Oleh yang demikian, *fibroid* ini juga dikategorikan sebagai *Fibroid Uterine* yang ketumbuhannya berlaku di dinding otot rahim wanita. Melalui analisis yang dilaksanakan dalam soal jawab ini menunjukkan bahawa responden tidak memahami di bahagian mana *fibroid* jenis ini terjadi.

iii. *Fibroid Subserus*

Penyelidik : Adakah Puan tahu kawasan ketumbuhan *Fibroid Subserus*? (S6)

Responden: Yang ini pun saya tak tau. (J6)

Selanjutnya, *Fibroid Subserus* juga dikenali sebagai *Fibroid Uterine* yang menonjol ke luar rahim serta berpangkal pada permukaan luar rahim wanita. Ketumbuhan pada bahagian ini boleh menimbulkan tekanan. Namun begitu, tekanan tersebut tidak menyebabkan berlakunya pendarahan. Hasil temu bual memperlihatkan bahawa responden tidak mengetahui jenis, kesan dan kawasan berlakunya *fibroid* jenis ini.

iv. *Fibroid Pedunkal*

Penyelidik : Adakah Puan tahu kawasan ketumbuhan *Fibroid Pedunkal*? (S7)

Responden: Memang tak pernah mengambil tahu. Dan tidak mau ambil tahu (J7).

Akhir sekali, adalah *Fibroid Pedunkal* yang mana ketumbuhannya terjadi pada kawasan sisi luar dan dalam rahim wanita. Selian itu, ketumbuhan ini mempunyai batang yang melekat pada rahim wanita. Malah, apabila berputar kerana berlaku pergerakan pada tubuh wanita akan berlaku rasa nyeri. Walau bagaimanapun, sama ada ketumbuhan ini serius atau tidak atau memerlukan sebarang rawatan susulan hanya dapat disahkan melalui ujian klinikal oleh pakar dalam bidang O&G sahaja. Manakala, dalam temu bual ini menunjukkan bahawa responden tidak mahu mengambil tahu tentang masalah, fakta dan kawasan *fibroid* yang berlaku kepada wanita.

Bahagian Ketiga:

i. Penyelidik : Secara keseluruhannya, sejauh mana Puan faham tentang *fibroid*? (S8)

Responden: Tak tahu langsung. (J8)

Dalam temu bual bahagian ketiga pula menunjukkan responden memberikan respon yang menunjukkan ketidakfahaman secara menyeluruh tentang masalah *fibroid*. Hal ini demikian kerana, responden tidak pernah mengetahui tentang *fibroid* yang berlaku pada wanita.

ii. Penyelidik : Adakah Puan faham tentang risiko *fibroid* terhadap wanita? (S9)

Responden :Tidak faham. Perlu dibincangkan kemudian. (J9)

Kemudian, dalam J9 pula responden memperlihatkan bahawa risiko bagi masalah *fibroid* tidak diketahui oleh responden kajian. Namun begitu, responden memaklumkan bahawa masalah *fibroid* yang dialami olehnya perlu dibincangkan kemudian oleh pengamal perubatan yang telah ditemui oleh responden kajian.

iii. Penyelidik : Adakah Puan memahami tentang rawatan *fibroid*? (S10)

Responden : Tidak faham. (J10)

Seterusnya, dalam soalan temu bual S10 memperlihatkan bahawa responden tidak memahami tentang rawatan yang boleh dijalankan bagi masalah *fibroid* dalam aspek kesihatan wanita. Walaupun terdapat cara untuk merawat *fibroid* tetapi responden tidak memahami permasalahan ini dan tidak mengambil tahu tentang aspek rawatan *fibroid*.

iv. Penyelidik : Mengapakah puan tidak berminat mengambil tahu tentang masalah *fibroid*? (S11)

Responden: Susah nak paham sebab macam-macam. (J11)

Selanjutnya, bagi soalan S11 soalan yang diajukan kepada responden sama ada berminat atau tidak mengetahui tentang masalah *fibroid*. Oleh yang demikian, responden memberikan ujaran balas dalam J11 menyatakan bahawa tidak memahami tentang *fibroid* kerana dilihat sebagai sesuatu yang sukar difahami dengan pelbagai cabang. Situasi ini memperlihatkan bahawa

ketidaktahuan menyukarkan seseorang yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang perubatan memahami tentang masalah *fibroid* yang dilihat sebagai sesuatu yang saintifik.

- v. Penyelidik : Puan memahami maksud dan istilah dari segi bahasa tentang *fibroid*? (S12)

Responden : Memang tak paham la. Nak sebut pun tak tau apa dia. (J12)

Akhir sekali, S12 menunjukkan bahawa responden adalah pemahaman responden tentang aspek makna dan pengistilahan bahasa berkaitan *fibroid*. Maka, J12 memperlihatkan bahawa responden tidak memahami istilah dalam kes *fibroid* yang menggunakan bahasa saintifik. Oleh yang demikian, penggunaan istilah dalam bidang perubatan berkaitan *fibroid* menjadi kekangan dalam memahami informasi dengan jelas oleh responden kajian.

Membincangkan kesan terhadap emosi wanita dalam aspek linguistik melalui informasi lisan dan bertulis berkaitan fibroid.

Tamsilnya, masalah *fibroid* juga mempunyai kaitan dengan emosi seseorang wanita. Hal ini demikian kerana, masalah ini boleh menjejaskan pemikiran serta kehidupan seseorang wanita yang memikirkan tentang kesihatan, hubungan intim dan masa depan mereka yang mengalami masalah ketumbuhan *fibroid*. Oleh yang demikian, aspek emosi responden dilihat daripada beberapa aspek apabila disahkan mempunyai ketumbuhan *fibroid*. Berdasarkan (Mok Soon Sang, 2010:89) menjelaskan terdapat lapan jenis emosi yang dikemukakan oleh Golemann 1997 adalah perasaan marah (*anger*), sedih (*sadness*), takut (*fear*), gembira (*happy*), sayang (*love*), hairan (*surprise*), benci (*disgust*), dan malu (*shame*). Bagi melaksanakan analisis ini maka sebanyak lapan emosi manusia yang dikemukakan oleh Golemann dijadikan asas dalam temu bual ini.

Penyelidik: Apakah perasaan Puan selepas mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid* dan mengapakah Puan berasa begitu? Adakah puan berasa marah? (S13)

- i. Marah (*anger*)

Responden: Tidak. Tak rasa marah pun. (J13)

Dalam soalan S13 tentang perasaan apabila mengetahui tentang masalah *fibroid* yang dialami oleh responden kajian. Oleh yang demikian, J13 menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai perasaan marah apabila mengetahui tentang *fibroid* yang sedang dialami olehnya. Hal ini demikian kerana, marah hanya berlaku dalam emosi manusia apabila berlaku tekanan daripada orang lain yang boleh menimbulkan perasaan sakit hati terhadap seseorang. Malah, responden tidak mempunyai perasaan marah kerana berurusan dengan pengamal perubatan yang profesional dalam mengendalikan emosi pesakit mereka apabila sesuatu penyakit berkaitan wanita disahkan.

Penyelidik: Apakah perasaan Puan selepas mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid* dan mengapakah Puan berasa begitu? Adakah puan berasa marah? (S14)

- ii. Sedih (*sadness*)

Responden: Tidak. Sebab tak faham sama ada bahaya atau tidak. (J14)

Kemudian, S14 adalah soalan temu bual tentang perasaan sedih apabila mengetahui tentang masalah *fibroid*. Namun begitu, responden tidak mempunyai perasaan sedih kerana tidak memahami sejauh mana bahaya atau tidak masalah *fibroid* yang dihadapi olehnya kini. Hal ini demikian kerana, kekurangan informasi, kesedaran serta pengetahuan menyebabkan responden tidak berasa sedih setelah disahkan mengalami masalah *fibroid*.

Penyelidik: Apakah perasaan Puan selepas mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid* dan mengapakah Puan berasa begitu? Adakah puan berasa takut? (S15)

- iii. Takut (*fear*)

Responden: Tidak. Sebab tidak tahu apa-apa pasal *fibroid* ni. (J15)

Seterusnya, dalam S15 pula berkaitan perasaan takut yang ditanya kepada responden tetapi hasil temu bual dalam S15 menunjukkan bahawa responden tidak berasa takut tentang masalah *fibroid* yang sedang dialami oleh responden hasil pemeriksaan klinikal di fasiliti kesihatan kerajaan. Perasaan takut tidak dialami oleh responden kerana tidak mempunyai pengalaman lampau atau pengetahuan yang jelas berkaitan *fibroid* kerana tidak memahami perbincangan dalam aspek perubatan. Malah, bidang perubatan mempunyai pengistilahan saintifik dan penggunaan bahasa Inggeris yang sukar difahami masyarakat awam yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang perubatan.

Penyelidik: Apakah perasaan Puan selepas mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid* dan mengapakah Puan berasa begitu? Adakah puan berasa gembira? (S16)

iv. Gembira (*happy*)

Responden: Tidak. Tiada perasaan. (J16)

Selanjutnya, dalam soalan temu bual pada S16 adalah tentang perasaan gembira. Soalan ini ditanya bagi menguji sejauh mana ketidakfahaman responden tentang masalah *fibroid* wanita. Justifikasi emosi 'gembira' bagi melihat adakah responden benar-benar tidak memahami tentang *fibroid* dan Tindakan emosi luar jangka. Walau bagaimanapun, responden memberikan jawapan pada J16 bahawa tidak mempunyai apa-apa rasa. Hal ini kerana, responden masih berfikir tentang apakah *fibroid*. Malah, tidak tahu sama ada sesuatu yang baik atau tidak kepada diri responden kajian.

Penyelidik: Apakah perasaan Puan selepas mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid* dan mengapakah Puan berasa begitu? Adakah puan berasa sayang? Contohnya terhadap kehidupan puan, mungkin diri puan sendiri? (S17)

v. Sayang (*love*)

Responden: Sayang la kat diri. Tu pi jumpa doktor. (J17)

Selain itu, soalan pada S17 adalah tentang perasaan sayang terhadap diri sendiri atau melibatkan kehidupan. Dalam soalan temu bual ini memperlihatkan bahawa responden memberikan jawapan dalam J17 tentang sebab mengapa menemui doktor. Situasi ini bertujuan mengetahui tentang tahap kesihatan diri responden. Oleh yang demikian, jawapan responden dilihat positif kerana menyayangi dirinya sendiri dan membuat keputusan menemui doktor untuk mengetahui tentang masalah *fibroid* yang dialami olehnya.

Penyelidik: Apakah perasaan Puan selepas mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid* dan mengapakah Puan berasa begitu? Adakah puan berasa hairan? (S18)

vi. Hairan (*suprise*)

Responden: Ya. Hairan la, dah tanya doktor sebab apa jadi, macam mana nak buat rawatan. (J18)

Selepas itu, S18 memperlihatkan soalan tentang perasaan hairan jika tentang masalah *fibroid* yang dialami oleh responden. Jawapan dalam J18 menunjukkan bahawa responden berasa hairan mengapa berlakunya *fibroid* pada dirinya. Malah, responden juga bertanya tentang kaedah rawatan bagi dirinya untuk mengawal dan menghapuskan *fibroid* yang dialaminya. Walau bagaimanapun, perasaan emosi hairan dalam J18 merujuk kepada mengapa dan bagaimana *fibroid* boleh berlaku. Oleh yang demikian, perasaan hairan responden kerana tidak mengetahui punca sebenar terjadinya *fibroid* tersebut.

Penyelidik: Apakah perasaan Puan selepas mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid*

dan mengapakah Puan berasa begitu? Adakah puan berasa benci? Contohnya, rasa benci bila mendengar tentang sedang mengalami *fibroid* atau sebab lain melibatkan situasi ini. (S19)

vii. Benci (*disgust*)

Responden: Tidak. Nak buat macam mana dah nak jadi. Nak benci lagu mana. (J19)

Antara lain, soalan temu bual berkaitan emosi adalah tentang rasa benci. Namun begitu, dalam J19 menunjukkan bahawa responden berasa reda dan tidak mempunyai perasaan marah apabila mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid*. Oleh yang demikian, responden tidak menyalahkan atau membenci sesiapa pun. Malah, keadaan yang berlaku tidak menimbulkan sebarang rasa benci dalam diri responden kajian.

Penyelidik: Apakah perasaan Puan selepas mengetahui sedang mengalami masalah *fibroid*

dan mengapakah Puan berasa begitu? Adakah puan berasa malu? Contohnya, rasa malu bila kepada orang lain, semasa pemeriksaan atau sebagainya melibatkan kes *fibroid*. (S20)

viii. Malu (*shame*)

Responden: Ya. Malu sebab pemeriksaan fizikal doktor saja. Doktor perempuan pun malu, doktor lelaki lagi la malu. (J20)

Akhir sekali, S20 adalah tentang perasaan emosi malu melibatkan masalah *fibroid* yang dialami. Hal ini demikian kerana, masalah kesihatan wanita lazimnya memerlukan pemeriksaan fizikal yang melibatkan pengamal perubatan bertauliah seperti konsultan, pakar perubatan, pegawai perubatan, doktor pelatih dan jururawat dalam bidang *Obstetrik and Ginekologi* (O&G) untuk menjalankan pemeriksaan melibatkan alat sulit wanita. Dalam J20 menunjukkan bahawa responden berasa malu semasa menjalani pemeriksaan fizikal kerana melibatkan alat sulitnya. Malah, responden lebih berasa malu apabila pemeriksaan fizikal tersebut melibatkan doktor atau pengamal perubatan lelaki kerana berbeza jantina.

Mencadangkan langkah mengawal emosi dan meningkatkan pengetahuan tentang fibroid terhadap wanita yang mengalami masalah fibroid.

Aspek kawalan emosi seseorang wanita begitu penting dalam menjaga kesihatan diri. Malah, emosi yang baik dan sihat dapat membantu mengurangkan tekanan kepada wanita dalam menghadapi masalah kesihatan berkaitan anatomi wanita. Berdasarkan (Ahmad Fakhruddin Mohd. Tahir *et.al*, 2022:42) menjelaskan pengawalan emosi yang baik akan mempengaruhi pembentukan personaliti yang baik. Tambah (Ahmad Fakhruddin Mohd. Tahir *et.al*, 2022:42) lagi, kegagalan dalam mengawal emosi akan mempengaruhi pembentukan personaliti yang tidak baik. Oleh yang demikian, pentingnya pengawalan emosi dalam menjaga keharmonian kehidupan wanita walaupun mengalami masalah yang memerlukan pemeriksaan klinikal.

Cadangan Langkah-Langkah Mengawal Emosi:

- i. Wanita perlu sentiasa bertenang apabila mengetahui tentang sesuatu masalah atau penyakit yang melibatkan wanita. Malah, wanita perlu menenangkan diri apabila mendengar tentang masalah *fibroid* dan mengelakkan daripada tindakan yang boleh menjejaskan emosi. Hal ini kerana, bertenang dapat mengawal tingkah laku wanita supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik.
- ii. Selain itu, wanita perlu positif apabila mengetahui sedang mengalami *fibroid*. Hal ini demikian kerana, sikap positif dapat membantu wanita berada dalam keadaan yang sihat dari aspek fizikal mereka.
- iii. Kemudian, wanita perlu berjumpa dengan pegawai psikologi kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk berbincang tentang tindakan jika mengalami kerisauan yang melampau setelah mengetahui mengalami *fibroid*.

- iv. Seterusnya, wanita perlu berada dalam persekitaran yang positif dengan berbicara dengan ahli keluarga serta rakan terdekat. Malah, meluahkan perasaan kepada insan terdekat dapat mengurangkan tekanan dan rasa takut yang dialami selepas mengetahui mengalami masalah *fibroid*.
- v. Peranan suami dalam memberikan sokongan, menenangkan dan memberikan nasihat kepada isteri yang mengalami masalah *fibroid* dapat menyokong emosi kerisauan wanita. Hal ini kerana, suami merupakan teman paling rapat kepada isteri dalam sesebuah institusi kekeluargaan.

Cara Meningkatkan Pengetahuan tentang *Fibroid*:

- i. Informasi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama yang digunakan di Malaysia. Hal ini kerana, penyampaian informasi tentang *fibroid* dalam bahasa Melayu dapat memberikan pemahaman, penerangan dan penyampaian maklumat yang boleh difahami oleh wanita daripada pelbagai latar belakang.
- ii. Selain itu, penggunaan istilah yang lebih mudah dapat memberikan pemahaman kepada wanita yang tidak mempunyai latar belakang bidang perubatan untuk mengetahui makna saintifik yang digunakan dalam artikel bahasa Inggeris. Istilah yang mudah difahami yang tidak menggunakan perkataan saintifik dapat meningkatkan pemahaman yang baik kepada wanita sebagai sasaran khalayak pembaca.
- iii. Kempen kesedaran perlu dilaksanakan secara berterusan oleh pihak berwajib melalui pelbagai aplikasi yang mudah diakses. Antaranya, kempen kesedaran boleh dilaksanakan melalui media bercetak, media elektronik dan laman sesawang melalui jaringan sosial yang pesat. Malah, kempen kesedaran tentang *fibroid* dapat membantu wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang memahami dengan jelas tentang masalah *fibroid* dalam kalangan wanita.
- iv. Amalan membaca dalam kalangan wanita dewasa yang berisiko mengalami *fibroid* perlu ditingkatkan. Sikap rajin membaca berupaya membantu wanita menambah ilmu pengetahuan tentang punca, gejala, rawatan, jenis dan risiko *fibroid* dapat membantu wanita memahami dengan lebih baik tentang masalah ini.
- v. Peranan pengamal perubatan bertauliah seperti pakar perubatan dalam bidang *Obstetrik and Ginekologi* (O&G) dalam menyampaikan ilmu tentang masalah *fibroid* memainkan peranan yang penting sebagai pakar bidang yang menjadi rujukan sahih. Malah, pakar perubatan O&G boleh menyampaikan maklumat melalui ceramah kesedaran secara atas talian menggunakan bahasa Melayu. Inisiatif ini dapat membantu wanita dari seluruh negara untuk menyertai seminar atau ceramah atas talian melalui aplikasi *google meet* atau *zoom*. Malah, kepesatan teknologi tanpa sempadan ini berupaya meningkatkan lagi pengetahuan yang sahih kepada wanita tentang *fibroid*.

8. KESIMPULAN

Konklusinya, wanita yang tinggal dalam komuniti luar bandar tidak mempunyai pengetahuan yang jelas dan baik berkaitan masalah *fibroid* yang dialami oleh wanita. Hal ini demikian kerana, kurangnya kesedaran dan informasi tentang masalah *fibroid* yang berlaku kepada wanita. Walaupun masalah *fibroid* tidak kritikal atau lebih dikenali seperti kanser wanita (ovari, pangkal rahim dan payudara) tetapi masih mempunyai risiko tertentu jika tidak diketahui tahap yang sedang dialami oleh seseorang wanita. Malah, masalah *fibroid* juga boleh memberikan kesan terhadap fizikal dan mental seseorang wanita.

Hal ini demikian kerana, seseorang wanita mempunyai emosi yang lebih sensitif berbanding lelaki dalam setiap perkara melibatkan kehidupan mereka. Oleh yang demikian,

masalah *fibroid* juga menjadi salah satu masalah dalam kesihatan wanita yang boleh memberikan pelbagai kesan kepada emosi wanita. Terutamanya, wanita yang telah berkahwin kerana melibatkan hubungan bersama pasangan serta keluarga. Maka, situasi wanita yang mengalami masalah *fibroid* mempunyai hubungan dengan aspek psikolinguistik manusia.

Sehubungan itu, emosi wanita perlu dijaga dan dikawal dengan baik apabila mereka disahkan mengalami masalah *fibroid*. Sokongan dan bantuan daripada ahli keluarga serta individu terdekat dapat membantu wanita dari segi sokongan emosi apabila disahkan mengalami masalah *fibroid*. Sokongan daripada orang sekeliling begitu penting dalam meningkatkan kualiti kesihatan wanita. Malah, sokongan moral dapat mengurangkan tekanan yang berkaitan emosi wanita apabila mengalami masalah kesihatan dalaman wanita seperti *fibroid*.

Selain itu, amalan gaya hidup sihat juga perlu diamalkan oleh setiap wanita dan dilakukan bersama ahli keluarga untuk menjamin kesihatan yang baik dan berpanjangan. Malah, setiap wanita perlu mengambil berat tentang kesihatan diri mereka dengan melakukan pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan yang bertauliah bagi mengetahui tahap kesihatan diri. Oleh yang demikian, sesuatu penyakit dapat dirawat lebih awal dan dicegah. Aspek emosi wanita perlu dikawal bagi membantu mereka memberanikan diri menemui pakar dalam bidang *Obstetrik and Ginekologi* (O&G) untuk menjalani pemeriksaan fizikal melibatkan anatomi wanita yang mempunyai hubungan dengan emosi malu. Maka, pentingnya pendedahan daripada pengamal perubatan bertauliah dalam bidang O&G memantau, memberikan konsultasi dan rawatan dalam kes yang melibatkan masalah wanita seperti *fibroid*.

RUJUKAN

- Aamir T Khan, Manjeet Shehmar dan Janesh T Gupta. (2014). Uterine Fibroids: Current Perspectives. *International Journal of Women's Health*. Vol.6, 95-114.
- Afshan Bano, Calvin R Wei, Ayesha Abdul Qadir Memon, Muhammad Osama, Shumaila Shaikh, Qararo Shah, Dua Rabel dan Fahad Jibran Siyal. (2023). A Comprehensive Review of Uterine Fibroids: Pathogenesis, Diagnosis, Treatment, and Future Perspectives. *Journal of Population Therapeutics & Clinical Pharmacology*. Vol.30 (18), 1961-1974.
- Ahmad Fakhruddin Mohd. Tahir, Zulkefli Aini dan Rosmawati Mohamad Rasit. (2022). Pengaruh Emosi terhadap Perubahan Personaliti Artis di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol.15(1), 42-53.
- Dini Fitriani dan Muhammad Awin Alaby. (2021). Analisis Orang Marah melalui Media Telegram (Tinjauan Teori Integritas). *Jurnal Inovasi Penelitian*. Vol.2(1), 247-252.
- Dwi Yulianti Rahayu dan Tadjuddin Nur. (2025). Perspektif Psikolinguistik pada Pemrosesan Emosi Baru Karakter Riley dalam Film *Inside Out 2*. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Vol.7(1), 49-60.
- Emma Giuliani, Sawsan As-Sanie dan Erica E. Marsh. (2020). Epidemiology and management of uterine fibroids. *Wiley, Review Article Gynecology*.3-9.
- Indira Dianti Sanjiwani dan Widianantara. (2021). Peranan Resveratrol terhadap Progresivitas Uterine Fibroid. *Jurnal Kesehatan dan Kodokteran*. Vol.2(2), 101-107.
- Junihot M. Simanjuntak. (2009). Teori Psikososial Erik Erikson dan Aplikasinya Bagi Pembinaan Orang Dewasa Tengah Baya di Gereja. *Jurnal Khairis Edisi III*, 1-10.

- Khairunnisa Nazwa Kamilla, Alifia Nur Elga Saputri, , Dayang Astri Fitriani, , Sofie Aulia Az Zahrah, Putri Febiane Andryana, Istighna Ayuningtyas dan Indah Salsabila Firdausia. (2022). Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson. *Early Childhood Journal*. Vol.3(2), 77-87.
- Mochamad Farid Kostawa. (2023). Penggunaan Bahasa dalam Mengekspresikan Emosi Kegembiraan Siswa Diniyah Takmiliyah Awaliyah Pasca Gempa (Kajian Psikolinguistik). *Jurnal Insan Pendidikan dan Sosial Humaniora*. Vol.1(1), 203-211.
- Mohamad Hafifi Jamri, Nurzali Ismail, Jamilah Ahmad dan Darshan Singh. (2017). Kempen Kesedaran Kesihatan Awam: Satu Tinjauan Literatur dari Sudut Penggunaan Media dan Komunikasi di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. Vol.33(3), 1-20.
- Mok Soon Sang. (2010). Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Izzat Abdul Razak. (2018). Fibroid: Ketahui Punca, Gejala dan Rawatannya. *dlm. The Malaysia Medical Gazette*. Diakses pada 21 Julai 2024 (12.26 pm).
- Muhammad Zanika Esa Putra. (2024). Representasi Emosi dalam Cuitan Twitter Komunitas Marah-Marah: Kajian Psikolinguistik. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Vol.14(3), 349-358.
- Nadiatul Shakinah Abdul Rahman. (2023). Ekspresi Emosi sebagai Satu Bentuk Komunikasi Watak Menerusi *Hikayat Nakhoda Muda dan Hikayat Parang Putting*. *Journal of Social Science and Humanities, e-Bangi*. Vol.20(3), 279-288.
- Najah Nadiah Amran dan Haziyah Hussin. (2020). Wanita dan Pengurusan Emosi melalui Pengkisahan Maryam dalam al-Quran. *International Journal of Islamic Thought*. Vol.17, 90-100.
- Najrul Jimatul Rizki. (2024). Penerapan Teori Perkembangan Sosial dan Kepribadian Erikson dalam Pendidikan: Pendekatan Psikososial untuk Optimalisasi Pembelajaran. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*. Vol.3(3), 462-481.
- Nik Hazlina Nik Hussain. (2015). Kesedaran Pencegahan Kanser Serviks dalam Kalangan Wanita. Pusat Media dan Perhubungan Awam, Universiti Sains Malaysia.
- Nik Nur Zuraida Nik Anuar. (2022). Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Sikap Tentang Kanser Serviks dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar di Daerah Dungun, Terengganu. Tesis Sarjana Sains, Universiti Sains Malaysia.
- Rose Fazilah Ismail, Rusdi Abdul Rashid, Zahari Ishak dan Haris Abd. Wahab. (2018). Wanita dan Kemurungan dari Perspektif Jurang Gender: Simptom dan Faktor. *The Malaysian Journal of Social Administration*. Vol.13, 78-100.
- Soo Shey San, Abdul Muati Ahmad, Hamisah Hasan dan Rosya Izyanie Shamshudeen. (2015). Pendedahan Media terhadap Iklan Kanser Serviks. *Jurnal Komunikasi*. Vol.31(2), 263-278.